

**ISLAM DALAM PERSEMBAHAN DIKIR AL-BURDAH  
OLEH PERTUBUHAN BADAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN,  
KAMPUNG SESSANG, SARAWAK**

*NORYAMISMA ISMAIL*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*isma\_wani86@yahoo.com*

*MOHD. ZARIAT ABDUL RANI*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*zariat@upm.edu.my*

*FAZILAH HUSIN*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*fazillah@upm.edu.my*

*NORAZLINA HAJI MOHD. KIRAM*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*noraz@upm.edu.my*

**ABSTRAK**

Kajian ini bertitik tolak daripada tanggapan umum yang menganggap bahawa Dikir Al-Burdah di Sarawak merupakan satu kegiatan seni persembahan yang berkaitan dengan Islam. Tanggapan ini terkandung dalam tulisan-tulisan awal yang rata-rata mengaitkan Dikir Al-Burdah dengan tradisi *al-Qasidah al-Mimiyah* oleh al-Busiri@al-Busairi, iaitu seorang ulama tasawuf di Mesir. Perkataan "*burdah*" itu juga turut dikaitkan dengan Rasulullah s.a.w. Tidak kurang penting ialah fokus tulisan-tulisan awal yang lebih membicarakan soal sejarah, latar belakang, bentuk serta fungsi persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak. Kecenderungan ini mengundang satu penelitian terhadap Dikir Al-Burdah di Sarawak khususnya soal kaitannya dengan Islam, selain mencatatkan kegiatan semasa Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak. Justeru, kajian ini diusahakan untuk merealisasikan tiga objektif, iaitu mencatatkan kegiatan semasa Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang, menganalisis lirik Dikir Al-Burdah menurut kerangka Formalisme, dan merumuskan soal perkaitan antara Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam. Kajian ini mengguna pakai pendekatan kualitatif, khususnya kaedah wawancara dan kaedah analisis isi kandungan. Hasil kajian mendapati kegiatan persembahan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak pada masa kini dijalankan secara aktif oleh Pertubuhan Badan Kesenian dan Kebudayaan yang ditubuhkan pada 2010. Pertubuhan ini turut mempersembahkan lagu dalam bahasa Melayu yang dinukilkan sendiri oleh ahli pertubuhan tersebut, antaranya bertajuk "Zikir Al-Burdah" dan "Pemimpin". Analisis mendapati bahawa lirik lagu "Zikir Al-Burdah" mengutarakan mesej tentang kemuliaan para rasul, manakala lirik lagu "Pemimpin" mengutarakan mesej tentang peri pentingnya kepemimpinan yang adil. Kedua-dua mesej ini didapati sejajar dengan ajaran Islam.

**Kata kunci:** Dikir Al-Burdah; Islam; Kampung Sessang, Sarawak; Pertubuhan Badan Kesenian dan Kebudayaan; seni persembahan

## **ISLAM IN THE PERFORMANCE OF DIKIR AL-BURDAH BY PERTUBUHAN BADAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN OF KAMPUNG SESSANG, SARAWAK**

### **ABSTRACT**

This study stems from the general perception that Dikir Al-Burdah in Sarawak as an Islamic performing arts. This impression is contained in the early writings that linked the Dikir Al-Burdah to the *al-Qasidah al-Mimiyah* tradition by al-Busiri@al-Busairi, a renowned Egyptian sufist. The word “burdah” is also associated with Prophet Muhammad p.b.u.h. It is equally important to note the early writings of the historical background form and function of Dikir Al-Burdah's performances in Sarawak. This trend invites a study on Dikir Al-Burdah in Sarawak especially its relation to Islam, as well as recording the current activities of Dikir Al-Burdah in Kampung Sessang, Sarawak. Thus, this study aims to achieve three objectives, which are to record the current activity of Dikir Al-Burdah in Kampung Sessang, Sarawak, to analyze the lyrics of Dikir Al-Burdah based on Formalisme, and to conclude the relationship between Dikir Al-Burdah in Sarawak and Islam. This study applies a qualitative approach, especially in using the method of interview and content analysis. The findings show that Dikir Al-Burdah's performance in Kampung Sessang, Sarawak is actively carried out by *Pertubuhan Badan Kesenian dan Kebudayaan* (Organization of Arts and Culture) which was established in 2010. The organization also perform songs in Malay language which are written by their members; among others are song entitled “Zikir Al-Burdah” and “Pemimpin” (Leaders). The analysis found that the lyrics of the song “Zikir Al-Burdah” addressed the message of the glory of the Prophet Muhammad p.b.u.h., while the lyrics of the song “Pemimpin” addressed the message of the importance of fair leadership. These two messages are found to be in lined with the teachings of Islam.

**Keywords:** Dikir Al-Burdah; Islam; Kampung Sessang, Sarawak; *Pertubuhan Badan Kesenian dan Kebudayaan* (Organization of Arts and Culture); performing arts

### **PENGENALAN**

Terdapat sejumlah seni persembahan yang dikaitkan dengan masyarakat Sarawak. Dalam konteks bangsawan, pengamatan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2017: 183) antara lain menjelaskan bahawa korpus pengkajian mengenai kegiatannya di Sarawak didapati masih belum meluas. Hal yang sama juga kelihatan pada korpus ilmiah tentang Dikir Al-Burdah,

iaitu satu bentuk seni persembahan tempatan yang sehingga hari ini masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak.<sup>1</sup> Dalam amalannya sekarang, Dikir Al-Burdah lazimnya dipersembahkan dalam majlis atau acara yang berkaitan dengan agama Islam. Antaranya ialah *Maulidur Rasul* atau majlis sambutan hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Begitu juga *Khatam al-Quran* iaitu satu acara yang menandakan selesainya seseorang itu belajar membaca al-Quran (Raslie Saharan, 1988: 128). Sehubungan itu, tidak hairanlah jika persembahan Dikir Al-Burdah cenderung dikaitkan dengan kedatangan Islam di Sarawak yang dikatakan bermula seawal abad ketujuh Masihi (Jamil Hj. Hamali *et al.*, 2009: 40).

Soal perkaitan antara persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam didapati turut diperkukuhkan dalam catatan serta tulisan yang membicारा mengenainya. Antaranya ialah buku bertajuk *Adat Resam Penduduk Sarawak* (1988) yang dapat dianggap sebagai antara catatan paling awal tentang Dikir Al-Burdah di Sarawak. Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak untuk Kerajaan Negeri Sarawak, bersempena dengan “Perayaan 25 Tahun Sarawak Merdeka Dalam Malaysia”. Di bawah satu bab berjudul “Beberapa Aspek Kebudayaan Melayu Sarawak” yang ditulis oleh Raslie Saharan, buku ini antara lain mengaitkan Dikir Al-Burdah dengan “berfakir”, iaitu satu tradisi ilmu yang wujud di Sarawak dengan kedatangan Islam. Dalam tradisi “berfakir” ini, para ulama mengembara dari satu tempat ke tempat yang lain untuk menyebarkan ilmu (Raslie Saharan, 1988: 131). Selain mengajar ilmu-ilmu seperti bahasa Arab, ilmu fikah, ilmu usul (usuluddin), tafsir, hadis dan tasawuf, para ulama turut mengajar masyarakat tempatan dengan amalan seperti selawat dan zikir (Raslie Saharan, 1988: 128 dan 131). Melalui tradisi “berfakir” ini juga, masyarakat Islam di Sarawak diperkenalkan dengan kitab *Maulid* yang mengandungi apa yang dikenali sebagai “marbahan”, “barzanji”, “qasidah” dan “dikir” (Harun Jaafar, 2002: 42).

Dengan pengaruh kitab *Maulid* ini, kegiatan Dikir Al-Burdah (buku ini menyebut “Zikir Burdah”) dikatakan menjadi amalan masyarakat Islam di Sarawak. Dari segi perkaitannya dengan Islam, tulisan ini jelas mengaitkan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan tradisi *al-Qasidah al-Mimiyah* yang diungkapkan oleh al-Busiri@al-Busairi (seterusnya al-Busiri), iaitu seorang ulama tasawuf yang masyhur dan hidup di Mesir pada tahun 608 hingga 696 Hijrah (Raslie Saharan, 1988: 132). Nama sebenar al-Busiri ialah al-Imam al-‘Alim, Sayyid al-Muddah, Abu Abdullah Syarafuddin Muhammad Ibn Sa’id Ibn Hammad Ibn Muhsan Ibn Abdullah Ibn Sofhaji Ibn Hilal al-Sonhaji al-Busairi al-Syazuli r.a (Ahmad Lufti Abdul Wahab al-Linggi, 2009: 13). Istilah “*burdah*” itu sendiri dijelaskan sebagai kain bulu yang menjadi pakaian masyarakat Arab. Merujuk kepada istilah “*burdah*” itu sendiri, adalah signifikan untuk dijelaskan bahawa dalam tradisi kesusasteraan Arab, istilah tersebut sering dikaitkan dengan peristiwa Nabi Muhammad SAW. menghadihkan “*burdah*” milik Baginda kepada Ka’ab bin Zuhayr, seorang penyair Arab-Jahiliyah yang pernah memusuhi Rasulullah SAW. Akan tetapi, Ka’ab bin Zuhayr kemudiannya memeluk agama Islam, serta memohon maaf daripada Rasulullah SAW. Justeru, pemberian “*burdah*” itu antaranya dianggap sebagai tanda bahawa Rasulullah SAW. menerima permohonan maaf serta berjanji untuk menjaga kebajikan Ka’ab bin Zuhayr (Stetkevych, S.P. 2010: 63). Dalam konteks perbincangan ini, apa yang penting ialah kecenderungan Raslie Saharan dalam mengaitkan perkataan “*burdah*” dengan Nabi Muhammad SAW. Tidak kurang penting apabila Raslie Saharan menjelaskan tentang fungsi Dikir Al-Burdah di Sarawak yang bertujuan, “...memohon *barakah* (berkat) dan kemuliaan daripada Allah” (Raslie Saharan, 1988: 132). Begitu juga penjelasan Raslie Saharan bahawa Dikir Al-Burdah dimulai dengan selawat kepada Rasulullah SAW. Adalah

jelas bahawa tulisan ini memperakukan Dikir Al-Burdah di Sarawak sebagai satu bentuk kesenian yang berkaitan dengan Islam, sebagaimana yang dirumuskan seperti berikut:

“Zikir [Dikir] Burdah [di Sarawak] merupakan satu lagi kesenian lama yang masih diamal dan masih kedapatan.... Zikir Burdah [di Sarawak] itu merupakan bentuk persembahan berdasarkan *Qasidah al-Mimiyah* yang ditulis oleh penyair Sufi Al Busiri (608H-696H), yang tujuannya ialah untuk memuji Nabi Muhammad SAW.

(Raslie Saharan, 1988: 132)

Tanggapan yang sama turut ketara dalam tulisan Muhammad Bukhari Lubis bertajuk “Dendangan Puisi Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak” (1994). Tulisan ini terbit sebagai salah satu bab dalam buku berjudul *Persuratan Islam* yang menghimpunkan tulisan-tulisan berkaitan warisan persuratan Islam. Terangkumnya tulisan Muhammad Bukhari Lubis dalam buku dengan judul yang sedemikian, dapat dianggap signifikan. Hal ini kerana ia dengan sendirinya menjelaskan bahawa Dikir Al-Burdah di Sarawak dianggap berkaitan dengan Islam. Lebih eksplisit ialah ayat pertama Muhammad Bukhari Lubis yang menjelaskan tentang sejarah perkataan “*Al-Burdah*” dan kaitannya dengan syair *Banat Su’ad* yang diungkapkan oleh Ka’ab bin Zuhayr, sebagaimana yang turut tercatat dalam tulisan Raslie Saharan (1988). Begitu juga perkaitan antara perkataan “*Al-Burdah*”, dengan puisi *al-Qasidah al-Mimiyah* oleh al-Busiri yang dianggap masyhur dalam kalangan masyarakat Islam di seluruh dunia termasuk di Kampung Sessang, Sarawak,<sup>2</sup> sebagaimana katanya:

Pengaruh Al-Burdah penyair Sufi atau warisan Al-Busiri, ini berkembang dan berterusan. Bukan sahaja dapat dilihat dalam kesusasteraan Arab, malahan dalam kesusasteraan bangsa-bangsa yang lain seperti Parsi, Urdu, Turki, dan Melayu. *Al-Burdah* ini diterjemahkan ke dalam kebanyakan bahasa kaum Muslimin seperti Parsi, Turki, Urdu, Pashto, Punjabi, Melayu dan Swahili; juga ke bahasa-bahasa Eropah seperti Perancis, Jerman, Inggeris, dan Itali. Di Semenanjung Malaysia, dendangan puisi *Al-Burdah* dalam bahasa Arab itu boleh dikatakan tidak dijalankan lagi. Walau bagaimanapun, rupa-rupanya kegiatan seni ini masih diteruskan di sebuah tempat yang bernama Kampung Sessang di daerah kecil Kabong dalam Daerah Kalaka yang berpusat di pekan Saratok, Bahagian Kedua Sarawak.

(Muhammad Bukhari Lubis, 1994: 128)

Dapat dikatakan bahawa tulisan Muhammad Bukhari Lubis lebih cenderung memperincikan bentuk persembahan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang, terutamanya berkenaan alat muzik yang mengiringinya iaitu rebana. Ini termasuklah bentuk dan struktur rebana, selain jenis-jenis pukulan rebana itu sendiri. Lebih penting apabila tulisan Muhammad Bukhari Lubis mengaitkan lagu Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang dengan Islam. Selain menyenaraikan beberapa judul lagu dalam bahasa Arab antaranya iaitu “*Muhammadun*” (Yang Terpuji) dan “*Astaghfir*” (Aku Mohon Keampunan) (Muhammad Bukhari Lubis, 1994: 131), tulisan Muhammad Bukhari Lubis turut menurunkan dua kenyataan berikut, iaitu: “Dendangan Al-Burdah ini dimulai dan disudahi dengan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.” (Muhammad Bukhari Lubis, 1994: 129), dan: “Lagu-lagu Al-Burdah bertemakan puji-pujian terhadap Nabi Muhammad SAW” (Muhammad Bukhari Lubis, 1994: 130).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Perbincangan pada tahap ini berusaha untuk menjelaskan beberapa perkara penting tentang persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak yang mengundang penelitian lanjut. Pertama, tanggapan yang menganggap bahawa Dikir Al-Burdah di Sarawak sebagai satu bentuk kesenian berkaitan Islam. Kecenderungan ini ketara dalam dua tulisan awal tentang Dikir Al-Burdah di Sarawak iaitu tulisan Raslie Saharan (1988) dan tulisan Muhammad Bukhari Lubis (1994), sebagaimana yang diperlihatkan di atas. Kedua, dan merujuk kepada kedua-dua tulisan tersebut, adalah jelas bahawa fokus lebih diberikan tentang sejarah, latar belakang, bentuk serta fungsi kegiatan Dikir Al-Burdah. Fokus sedia ada ini dengan sendirinya membuka ruang terhadap pengkajian lebih lanjut terhadap lirik dikir yang dialunkan dalam persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak. Tidak dinafikan bahawa tulisan Muhammad Bukhari Lubis (1994) ada menyatakan secara umum tentang lirik Dikir Al-Burdah yang mengandungi puji-pujian kepada Rasulullah SAW. Namun, kenyataan ini tidak dituruti dengan analisis yang secara khusus terhadap lirik Dikir Al-Burdah. Hal ini dengan sendirinya mengundang satu analisis terhadap lirik Dikir Al-Burdah dengan fokus terhadap kaitannya dengan Islam. Ketiga, soal kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak pada masa sekarang. Sebagaimana yang jelas dalam pengamatan di atas, tulisan Muhammad Bukhari Lubis tentang kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang terbit pada tahun 1994, iaitu lebih 20 tahun yang lalu. Jangka masa ini dengan sendirinya mengundang satu kajian yang lebih bersifat kontemporari bagi memberikan maklumat terkini tentang kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak. Persoalan yang timbul, apakah kegiatan Dikir Al-Burdah masih dijalankan di Kampung Sessang, Sarawak selepas tulisan Muhammad Bukhari Lubis mencatatkan mengenyainya pada tahun 1994?

## OBJEKTIF KAJIAN

Dengan latar belakang di atas, kajian ini menggariskan tiga objektif. Pertama, mencatatkan kegiatan semasa persembahan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang. Kedua, menganalisis lirik Dikir Al-Burdah menurut kerangka Formalisme. Dan ketiga, merumuskan soal perkaitan antara Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam.

## METODOLOGI KAJIAN

Bagi merealisasikan ketiga-tiga objektif di atas, kajian ini dijalankan dengan menerapkan pendekatan kualitatif, iaitu kaedah wawancara dan kaedah analisis isi kandungan (*content analysis*). Kaedah wawancara digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kegiatan dan lirik Dikir Al-Burdah. Manakala, kaedah analisis isi kandungan diterapkan bagi menganalisis mesej keislaman dalam lirik Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang. Penerapan kaedah analisis isi kandungan menuntut kajian ini untuk mengguna pakai kerangka analisis tertentu. Dalam konteks ini, kajian ini menerapkan Formalisme sebagai kerangka analisis. Pemilihan Formalisme ini membolehkan analisis dilakukan secara tekstual iaitu dengan meneliti perkataan serta ungkapan yang terkandung dalam teks lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji.

Kajian ini tertumpu pada kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang yang terletak di Daerah Kecil Kabong, iaitu kira-kira 339 km, atau lima jam perjalanan daripada bandaraya Kuching. Kampung Sessang termasuk dalam Bahagian Betong yang merupakan Bahagian ke-11 negeri Sarawak. Majoriti penduduknya merupakan bangsa Melayu yang kebanyakannya

bekerja sebagai petani dan nelayan, selain turut terlibat dalam sektor awam dan swasta (Wawancara dengan Encik Faridzul bin Kasim). Tinjauan awal mendapati bahawa pada masa sekarang, kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang dijalankan oleh satu kumpulan budaya yang ditubuhkan pada tahun 2010 atas nama Pertubuhan Badan Kesenian dan Kebudayaan (seterusnya PBKK). PBKK ditubuhkan atas inisiatif Encik Zulkipli bin Haji Jawawi (kini Allahyarham) yang turut bertindak sebagai pengerusi. Setelah kematian beliau, PBKK kemudiannya dipengerusikan sehingga kini oleh Encik Faridzul bin Kasim, seorang anak jati Kampung Sessang yang berusia 31 tahun. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada tinjauan awal ini, kajian ini memilih untuk menjadikan Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi dan Encik Faridzul bin Kasim pula dijadikan sebagai informan kajian. Wawancara dengan kedua-dua informan bertujuan mendapatkan maklumat tentang asal usul kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang, latar belakang penubuhan, aktiviti, pencapaian serta perancangan PBKK, dan bentuk persembahan Dikir Al-Burdah yang dipersembahkan oleh PBKK.

Seterusnya, melalui Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi, kajian ini memperoleh dua lirik Dikir Al-Burdah yang didendangkan oleh PBKK, iaitu lirik bertajuk “Zikir Al-Burdah” dan lirik bertajuk “Pemimpin”. Kedua-dua lirik ini merupakan hasil nukilan secara bersama oleh ahli PBKK. Kedua-dua lirik dikir ini diperolehi dalam bentuk salinan fotokopi yang disalin daripada versi bercetak (*printed version*) milik Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi. Versi lirik dikir ini juga dijadikan rujukan semasa sesi latihan mahupun persembahan oleh ahli PBKK. Kedua-dua lirik dikir yang diperolehi ini dijadikan sebagai bahan analisis bagi meneliti soal perkaitan antara Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam. Sebagaimana yang telah dijelaskan, analisis teks dilakukan berdasarkan Formalisme yang menuntut penelitian terhadap perkataan serta ungkapan yang memberikan mesej atau perutusan tertentu terhadap lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji. Seterusnya, mesej yang terkandung dalam lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji akan dibandingkan dengan al-Quran dan al-Hadis, iaitu dua sumber yang dianggap berautoriti dalam Islam. Oleh itu, analisis ini akan memanfaatkan sumber-sumber rujukan yang terdiri daripada dua kitab tafsir al-Quran dalam bahasa Melayu, iaitu *Tafsir Al-Azhar* karangan Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (lebih dikenali dengan nama Hamka) yang diterbitkan pada tahun 1984, dan *Tafsir Mubin* karangan Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid yang diterbitkan pada tahun 2009. Selain itu, analisis ini turut memanfaatkan terjemahan bahasa Indonesia kitab ilmu hadis yang terkenal iaitu *Muktashar Shahih Muslim* yang disusun oleh Zaki al-Din ‘Abd al-Azim al-Mundziri, yang diterjemahkan dengan judul *Ringkasan Shahih Muslim Arab-Indonesia* (2004). Kitab tafsir dan kitab ilmu hadis ini digunakan bagi mendapatkan terjemahan serta huraian maksud dalam bahasa Melayu terhadap ayat Al-Quran dan hadis yang dirujuk dalam analisis terhadap lirik dikir Al-Burdah yang dikaji. Dengan rujukan ini, analisis ini diharap dapat merumuskan soal perkaitan lirik dikir yang dikaji itu dengan Islam yang menjadi fokus kajian ini.

**KEGIATAN PERSEMBAHAN DIKIR AL-BURDAH  
OLEH PERTUBUHAN BADAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN,  
KAMPUNG SESSANG, SARAWAK**

Dari segi sejarah, kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang dikatakan bermula seawal kewujudan kampung itu sendiri iaitu sebelum tahun 1903 lagi (Wawancara dengan Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi). Kegiatan Dikir Al-Burdah dikatakan bermula

daripada peristiwa yang terjadi kepada Dato' Terunan, yang merupakan penduduk asal kampung tersebut. Adalah diceritakan bahawa isteri Dato' Terunan jatuh sakit dan gagal diubati oleh dukun dan bomoh. Setelah itu, Dato' Terunan mengumpulkan beberapa orang ahli keluarganya untuk mengalunkan lagu-lagu "barzanji"<sup>3</sup> dengan diiringi paluan rebana. Usaha ini bagi mengharapkan keredaan Allah SWT yang dianggap berkuasa untuk menyembuhkan penyakit isterinya. Dengan izin Allah SWT, isteri Dato' Terunan sembuh daripada penyakitnya. Sejak peristiwa itu, masyarakat di Kampung Sessang mulai mempelajari lagu-lagu "barzanji", dan mengalunkannya dengan diiringi paluan rebana, sebagaimana yang dilakukan oleh Dato' Terunan ketika isterinya sakit. Alunan lagu-lagu tersebut kemudiannya menjadi amalan yang dikenali dengan nama "Dikir Al-Burdah" (Wawancara dengan Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi).

Dari segi perkembangan pula, kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang telah berjalan selama beberapa generasi sehingga diwarisi oleh Allahyarham Haji Jawawi bin Haji Wah, iaitu bapa kepada Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi). Selepas Allahyarham Haji Jawawi bin Haji Wah pulang ke rahmahtullah pada 12 Jun 2010, kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang diteruskan oleh Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi, yang kemudiannya mengambil inisiatif menubuhkan PBKK pada tahun 2010. Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi juga menjadi pengerusi PBKK pada ketika itu. Penubuhan PBKK didorong oleh aspirasi untuk melestarikan seni warisan, selain menyatupadukan masyarakat (Wawancara dengan Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi). Selepas kematian Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi pada 22 Jun 2015, PBKK dipengerusikan pula oleh Encik Faridzul bin Kasim, iaitu menantu kepada Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi (Wawancara dengan Encik Faridzul bin Kasim).

Sehingga tahun 2017, PBKK mempunyai ahli seramai 50 orang, yang terdiri daripada lelaki dan wanita dan meliputi peringkat usia kanak-kanak, remaja dan dewasa (Wawancara dengan Encik Faridzul bin Kasim). Pada masa kini, PBKK aktif mengadakan persembahan Dikir Al-Burdah untuk majlis perkahwinan, menyambut kedatangan orang baharu (menyambut kelahiran bayi), menyambut kedatangan orang kenamaan, menyelamat rumah baharu, upacara cukur jambul, sambutan *Maulidur Rasul* dan sebagainya. Sebagai pengerusi, urusan undangan dan tempahan persembahan diuruskan oleh Encik Faridzul bin Kasim. PBKK mengadakan latihan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Sekiranya mendapat undangan, latihan akan diadakan lebih kerap, iaitu sekali dalam seminggu. Kebiasaannya latihan berlangsung di rumah Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi, yang sekarang adalah juga merupakan tempat tinggal Encik Faridzul bin Kasim. Selain di Kampung Sessang, PBKK turut menerima undangan daripada pihak luar. PBKK pernah beberapa kali diundang untuk mengadakan persembahan di Astana Negeri Sarawak di Kuching ketika Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud menjadi Ketua Menteri Sarawak. Selain itu, PBKK juga pernah menjayakan penggambaran untuk program televisyen bersama saluran TV Astro dan RTM (Wawancara dengan Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi). Melalui kegiatan yang dijalankannya, PBKK menaruh harapan yang tinggi agar warisan Dikir Al-Burdah terus lestari serta tidak hilang ditelan zaman. Selain itu, Dikir Al-Burdah juga diharap dapat mengisi kegiatan masyarakat golongan muda dengan aktiviti yang berfaedah, selain menyumbang kepada industri pelancongan khususnya di Sarawak (Wawancara dengan Encik Faridzul bin Kasim).

Dari segi bentuk, Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang dipersembahkan secara berkumpulan, dengan diiringi paluan rebana yang dimainkan oleh setiap ahli kumpulan. Kebiasaannya, setiap persembahan melibatkan seramai 20 orang ahli termasuk lelaki dan

perempuan. Ahli akan duduk dalam barisan yang mengandungi seramai 10 orang setiap barisan. Formasi ini turut bergantung kepada kesesuaian pentas dan tempat persembahan (Wawancara dengan Encik Faridzul bin Kasim). Semua ahli memakai pakaian yang mematuhi hukum aurat dalam ajaran Islam. Semua ahli menyanyikan lagu Dikir Al-Burdah sambil memukul rebana. Pukulan rebana yang mengiringi lagu-lagu tersebut terdiri daripada tiga jenis pukulan iaitu pukulan adi, pukulan jawa dan juga pukulan rancak (Wawancara dengan Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi). Untuk sebuah lagu, kebiasaannya akan mengambil masa lebih kurang 20 hingga 30 minit. Dengan tatacara yang sedemikian, dapat dirumuskan bahawa persembahan Dikir Al-Burdah yang dipersembahkan oleh PBKK rata-rata seiring dengan ajaran Islam. Seterusnya, selain mengalunkan lagu-lagu “barzanji”, PBKK turut mempersembahkan lagu yang ditulis dalam bahasa Melayu yang dinukilkan oleh ahli PBKK sendiri (Wawancara dengan Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi). Antaranya ialah dikir bertajuk “Zikir Al-Burdah” dan “Pemimpin” yang menjadi bahan analisis untuk kajian ini.

### **ANALISIS LIRIK DIKIR AL-BURDAH PERTUBUHAN BADAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN, KAMPUNG SESSANG, SARAWAK**

Analisis ini dimulakan dengan meneliti lirik lagu “Zikir Al-Burdah” yang merupakan antara lagu yang dialunkan dalam persembahan Dikir Al-Burdah oleh PBKK. Dari segi struktur, lirik dikir ini mengandungi tiga rangkap yang setiap satunya mengandungi empat baris. Setiap baris pula mengandungi empat hingga lima perkataan. Dua rangkap lirik ini mempunyai rima akhir a/b/a/b, manakala satu rangkap lagi (yang terakhir) mempunyai rima akhir a/a/a/a.

Bacaan awal mendapati bahawa lirik lagu dikir “Zikir Al-Burdah” antara lain membawa mesej tentang kemuliaan para rasul. Dapat dikatakan bahawa mesej terkandung secara tersirat pada judul lagu dikir yang menghadirkan perkataan “*Al-Burdah*”. Sebagaimana yang telah dijelaskan pada awal perbincangan, perkataan “*Al-Burdah*” merujuk kepada kain bulu yang menjadi pakaian masyarakat Arab. Dalam konteks tradisi syair Arab, perkataan “*Al-Burdah*” mengandungi pengertian yang dikaitkan dengan Rasullullah s.a.w. kerana menghadiahkan “*burdah*” milik Baginda kepada Ka’ab bin Zuhayr (Raslie Saharan, 1988: 132; Muhammad Bukhari Lubis, 1994: 127). Dengan pengertian ini, pemilihan perkataan “Al-Burdah” sebagai judul dapat memberikan maksud yang tersirat terhadap mesej tentang kemuliaan para rasul yang digarap dalam lirik dikir ini.

Analisis ini mendapati bahawa baris pertama hingga baris keempat dalam rangkap pertama lebih berupa kata pembukaan bagi dikir ini. Hal ini jelas apabila lirik lagu dikir ini dimulakan dengan dua baris pertama yang menggambarkan keistimewaan adat istiadat Melayu, sebagaimana yang jelas pada kehadiran perkataan “keris adat” iaitu sejenis senjata yang lazimnya menjadi simbol kekuatan orang Melayu sebagai bangsa yang berbudaya. Begitu juga perkataan “kemenyan” (sejenis batu) dan “gaharu” (sejenis kayu) yang merujuk bahan-bahan semula jadi yang digunakan oleh orang Melayu bagi mendapatkan bau yang harum serta menyenangkan. Dalam adat istiadat Melayu, “keris adat”, “kemenyan” dan “gaharu” merupakan alat serta bahan yang dianggap bukan sembarangan dan digunakan dalam acara atau suasana yang istimewa. Dengan pengertian ini, dapat dikatakan bahawa kehadiran perkataan-perkataan ini dalam lirik dikir ini dapat memberikan pengertian tentang betapa istimewanya tradisi Dikir Al-Burdah yang dipersembahkan. Pemahaman ini semakin



jelas apabila baris ketiga dengan jelas menyebut tentang Dikir Al-Burdah yang dipersembahkan, iaitu “Dikir Al-Burdah kami persembahkan”. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan baris terakhir yang menjelaskan serba sedikit tentang asal usul Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang. Hal ini jelas apabila lirik dikir mengungkapkan baris berikut, “Zikir Terunan dari dahulu”. Sebagaimana yang telah dijelaskan lebih awal, asal usul Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang dikaitkan dengan cerita tentang ikhtiar Dato’ Terunan bagi menyembuhkan isterinya yang sakit melalui alunan lagu-lagu “barzanji” (Wawancara dengan Allahyarham Encik Zulkipli bin Haji Jawawi). Justeru dapat dikatakan bahawa perkataan “Terunan” dalam lirik lagu yang dikaji merujuk kepada Dato’ Terunan, manakala perkataan “zikir” pula merujuk lagu-lagu “barzanji” yang dialunkan oleh Dato’ Terunan itu. Dengan kata lain, ungkapan “Zikir Terunan” merujuk kepada alunan lagu-lagu “barzanji” oleh Dato’ Terunan sebagai ikhtiar bagi memohon supaya Allah s.w.t. menyembuhkan penyakit isterinya. Perkaitan baris terakhir rangkap pertama ini dengan asal usul Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang semakin jelas apabila baris ini diakhiri dengan perkataan “dari dahulu” yang dapat merujuk kepada amalan atau tradisi turun-temurun yang diamalkan sejak peristiwa sembuhnya isteri Dato’ Terunan. Adalah jelas bahawa baris pertama hingga baris keempat dalam rangkap pertama dalam lirik dikir yang dikaji ini lebih berupa kata pembukaan bagi menjelaskan tentang betapa istimewanya Dikir Al-Burdah yang merupakan satu persembahan yang mempunyai tradisi serta pengertiannya yang penting, sebagaimana yang dapat diamati dalam petikan lirik dikir sebagaimana dalam ungkapan berikut, “Keris adat bertatah intan/ Diasap kemenyan bersama gaharu/ Dikir Al-Burdah kami persembahkan/ Zikir Terunan dari dahulu.”

Seterusnya, garapan mesej tentang kemuliaan para rasul lebih jelas pada baris pertama hingga baris keempat dalam rangkap kedua lirik dikir ini. Hal ini jelas apabila rangkap kedua ini menghadirkan serangkap pantun empat kerat yang mengandungi dua baris pembayang, dan diikuti dengan dua baris maksud. Baris pertama dan kedua berbunyi seperti berikut, “Kapal Mekah kapal Madinah/ Mari berlabuh di tengah laut”. Adalah jelas pada dua baris ayat ini bahawa Mekah dan Madinah menjadi kata nama khas yang memberi makna khusus terhadap “kapal” yang merupakan sejenis kata nama am. Sebagaimana sedia maklum, Mekah dan Madinah merupakan dua kota yang dianggap mulia dan istimewa. Kemuliaan serta keistimewaan ini jelas berkait rapat dengan sejarah kedua-dua kota tersebut yang berkaitan dengan Nabi Muhammad SAW. Mekah merupakan kota kelahiran Rasulullah SAW, manakala Madinah pula merupakan tempat penghijrahan yang membolehkan Baginda menubuhkan sebuah negara Islam yang pertama. Dengan sejarah yang sedemikian, Mekah dan Madinah dianggap sebagai “kota suci.” Dalam konteks orang Melayu, tanggapan ini jelas apabila ungkapan (“kota suci”) ini pada kelazimannya digandingkan dengan nama “Mekah” dan “Madinah, menjadi ungkapan “Kota Suci Mekah” dan “Kota Suci Madinah”. Hal ini penting untuk dijelaskan bagi memahami kesignifikanan penggunaan ungkapan “kapal Mekah” dan “kapal Madinah” (diikuti dengan ayat “Mari berlabuh di tengah laut”) sebagai pembayang terhadap maksud yang terkandung dalam dua ayat yang seterusnya. Baris ketiga dan keempat rangkap kedua lirik dikir ini pula menurunkan ungkapan berikut, “Tunduk menangis Siti Fatimah/ Mendengar suara si Nabi Daud.” Merujuk kepada rangkap ini, dapat dikatakan bahawa dalam tradisi keilmuan Islam, Nabi Daud a.s masyhur sebagai seorang rasul yang dianggap mempunyai kelebihan dari segi suara baginda yang merdu. Tanggapan ini rata-rata terbina berdasarkan daripada ayat al-Quran Surah Sad, ayat 18-19, yang antara lain bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah memudahkan gunung-ganang turut bertasbih memuji Kami bersama-sama dengannya; pada waktu petang dan ketika terbit matahari. (Bertasbihnya gunung-ganang itu sebagai bukti mukjizat Nabi Daud). Dan (Kami memudahkan juga) unggas turut berhimpun (untuk bertasbih memuji Kami bersama-sama dengannya); tiap-tiap satunya mengulangi tasbih masing-masing menurutnya.”

(Salahuddin Abdullah & Omar Khalid, 2009b: 271)

Merujuk ayat al-Quran yang sama juga, Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (atau lebih dikenali sebagai Hamka) menjelaskan bahawa firman Allah SWT itu dapat memberikan petanda tentang suara Nabi Daud a.s. yang merdu atau “menyenangkannya” (ungkapan beliau sendiri), sebagaimana yang dihuraikannya dalam petikan di bawah:

Yaitu apabila burung-burung itu telah mendengar alun gelombang suara Nabi Daud memenuhi angkasa, burung tertegun terbang, lalu hingga di dahan-dahan kayu tempat Nabi Daud memuja Tuhan dengan Mazmurnya itu. “*Masing-masingnya itu pun tha’at kepada-Nya*”. (*Ujung ayat 19*). Boleh ditafsirkan bahwa burung-burung itu menjadi jinak dengan Daud. Burung-burung itu datang berkumpul berkerumun dengan gembiranya. Mereka pun akan turut bernyanyi. Karena bila burung gembira mendengarkan suara yang menyenangkannya dia akan bernyanyi.

(Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, 1984b: 230)

Manakala, Abu al-Fida’ Ismail bin Kathir al-Quraishy (lebih dikenali dengan nama Ibnu Kathir) dalam kitab karangan beliau bertajuk *Qishash al-Anbiya’ Ibratun li-Uli al-Albab* yang diterjemahkan oleh Ustaz Johari Yaman dengan judul *Kisah Para Nabi: Pengajaran dan Ikhtibar* (2009), dengan bersandarkan tafsiran terhadap ayat al-Quran Surah Sad, ayat 18-19, selain beberapa hadis, menjelaskan bahawa Nabi Daud a.s. dikurniakan oleh Allah SWT dengan suara yang merdu, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan di bawah:

Nabi Daud dikurniakan dengan suara yang merdu ketika membaca kitab-Nya sehingga turun burung-burung di udara untuk membaca tasbih bersama-samanya, sebagaimana juga gunung-gunung membaca tasbih bersama-samanya setiap pagi dan petang. Kesejahteraan Allah dan keselamatan-Nya untuk Nabi Daud a.s.

(al-Quraishy, 2009: 702)

Tafsiran serta pandangan di atas memperlihatkan bahawa soal kemerduan suara Nabi Daud a.s. sudah menjadi satu pemahaman yang masyhur. Kemasyhuran pemahaman ini dilihat turut mempengaruhi lirik lagu “Zikir Al-Burdah”. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, rangkap kedua, baris ketiga dan keempat lirik lagu tersebut menurunkan ungkapan berikut, “Tunduk menangis Siti Fatimah/ Mendengar suara si Nabi Daud”. Dapat dikatakan bahawa ungkapan dalam baris keempat, iaitu “suara si Nabi Daud” merujuk kepada kemerduan suara Nabi Daud a.s., sebagaimana pemahaman yang masyhur itu. Pemahaman ini dapat diperkukuhkan apabila baris sebelumnya (baris ketiga) menghadirkan ungkapan berikut, iaitu “Tunduk menangis Siti Fatimah”. Tidak dapat dipastikan sama ada nama “Siti Fatimah” dalam ungkapan tersebut merujuk kepada nama Siti Fatimah al-Zahra’ r.h., iaitu anak perempuan kepada Rasulullah s.a.w. atau nama individu biasa. Namun begitu, perilaku “Siti Fatimah” yang diperikan dalam baris ini iaitu “tunduk menangis”, boleh ditafsirkan sebagai satu manifestasi terhadap rasa keinsafan yang tulus. Hal ini kerana perbuatan

“tunduk” (atau menundukkan kepala) itu lazimnya dilakukan bagi memanifestasikan kerendahan hati seseorang. Perbuatan “tunduk” juga boleh terjadi akibat perasaan malu yang juga pada akhirnya bersangkutan dengan soal keakuran serta kerendahan hati. Manakala, perbuatan “menangis” lazimnya lahir daripada perasaan sedih, terharu kerana terlalu gembira, atau insaf yang mendalam. Dalam konteks frasa “tunduk menangis”, perbuatan “menangis” lebih tepat ditafsirkan sebagai satu keinsafan kerana perkataan “tunduk” (pada awal perkataan “menangis”) itu membawa maksud keakuran serta kerendahan hati. Justeru, frasa “tunduk menangis” itu dapat ditafsirkan sebagai satu manifestasi keinsafan yang lahir daripada keakuran serta kerendahan hati. Pengertian ini lebih munasabah apabila baris seterusnya, iaitu “suara si Nabi Daud” difahami sebagai merujuk kepada kemerduan suara Nabi Daud a.s. Apa yang jelas, kedua-dua baris lirik (baris ketiga dan keempat) lirik lagu ini dapat memberikan pemahaman tentang kemerduan suara Nabi Daud a.s. yang dianggap mampu menimbulkan keinsafan yang lahir daripada keakuran serta kerendahan hati. Pemahaman ini semakin memperkukuhkan lagi mesej tentang kemuliaan para rasul yang digarap dalam lirik lagu “Zikir Al-Burdah” ini.

Selanjutnya, garapan mesej tentang kemuliaan para rasul ini dimantapkan dalam baris pertama hingga baris keempat dalam rangkap ketiga lirik dikir ini. Hal ini ketara apabila baris pertama menghadirkan seruan iaitu “Ya Allah *Khalikul Rahman*”. Ungkapan ini berupa pengakuan yang memperakukan keagungan Allah s.w.t. dengan sifat-Nya yang “Maha Pencipta” (*al-Khalik*) dan “Maha Pemurah” (*ar-Rahman*). Lebih jelas apabila ungkapan pengakuan ini kemudiannya diikuti dengan baris kedua yang mengungkapkan seperti berikut, “Nabi Muhammad Nabi akhir zaman”. Ungkapan ini juga berupa pengakuan yang memperakukan hakikat bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan Rasul atau utusan Allah SWT yang terakhir untuk umat manusia, dan selepas Baginda tidak akan ada lagi rasul yang diutuskan. Ungkapan ini kemudiannya diikuti dengan dua baris ayat, iaitu “Membawa Quran, *hadis* dan *firman*/ Supaya umat mendapat iman”. Bagi memahami maksud dua baris ayat di atas, penting dijelaskan bahawa dalam tradisi keilmuan Islam, seorang Rasul diutuskan dengan tugas untuk mengajar manusia tentang hakikat Penciptanya yakni Allah SWT. Ajaran ini terkandung dalam wahyu iaitu ilmu yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia. Dalam konteks Nabi Muhammad SAW, ilmu wahyu ini terkandung dalam al-Quran al-Karim iaitu *kalamullah* atau kata-kata Allah SWT yang diwahyukan kepada manusia melalui Nabi Muhammad SAW sebagai *kalamullah*, al-Quran al-Karim dianggap sebagai sumber ilmu yang tertinggi.

Selain itu ialah as-Sunnah yang juga merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan kepada manusia melalui lisan, perbuatan serta ketetapan (*taqrir*) Rasulullah SAW. Dengan itu, Nabi Muhammad sebagai Rasulullah SAW menduduki kedudukan yang paling terpuji dalam tingkat atau martabat manusia di sisi Allah SWT. Melalui al-Quran dan as-Sunnah (yang sampai kepada manusia melalui Nabi Muhammad SAW), manusia memperolehi ilmu untuk mengenal Allah SWT dan seterusnya menyakini kewujudan Penciptanya itu, termasuk perkara-perkara yang diajarkan oleh Allah SWT kepada manusia iaitu kebenaran para Rasul, kebenaran al-Quran al-Karim, kebenaran kewujudan malaikat, kebenaran hari kiamat, dan kebenaran qada’ dan qadar Allah SWT. Keyakinan yang mutlak terhadap kebenaran Allah SWT serta kesemua perkara tersebut dianggap menjadi teras kepada iman seseorang. Pemahaman ini jelas terkandung dalam baris pertama hingga baris keempat dalam rangkap ketiga lirik dikir sebagaimana yang petikan berikut, *Ya Allah Khalikul Rahman/ Nabi Muhammad Nabi akhir zaman/ Membawa Quran, hadis dan firman/ Supaya umat mendapat Iman.*”

Adalah jelas bahawa lirik dikir “Zikir Al-Burdah” ini mengutarakan mesej tentang kemuliaan para rasul. Mesej ini jelas pada maksud yang disampaikan melalui rangkap-rangkap dalam lirik dikir yang antaranya mengutarakan soal keagungan Allah SWT yang diperakukan sebagai Tuhan yang Maha Pencipta (*al-Khalik*) dan Maha Pemurah (*ar-Rahman*), yang mengutuskan para Rasul dengan mukjizat serta kemuliaan yang tinggi. Begitu juga soal kemuliaan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul terakhir yang diutuskan untuk mengajar manusia untuk mengenal Allah SWT melalui al-Quran dan as-Sunnah. Lanjutan itu, analisis ini mendapati bahawa mesej tentang kemuliaan para rasul yang diutarakan dalam lirik dikir yang dikaji adalah sejajar dengan ajaran Islam. Pemahaman ini dapat diperkukuhkan dengan al-Quran Surah Ali Imran, ayat 164, yang antara lain bermaksud:

“Sesungguhnya Allah telah berkenan kepada orang-orang yang beriman, tatkala Dia bangkitkan seorang Rasul dari antara mereka yang membacakan kepada mereka ayat-ayatNya dan membersihkan mereka serta mengajari mereka kitab dan hikmat, meskipun mereka sebelum itu di dalam kesesatan yang nyata.”

(Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, 1984a: 160)

Merujuk ayat al-Quran di atas, Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka) dalam kitab tafsir beliau berjudul *Tafsir Al-Azhar* antara lain menjelaskan tentang keadaan masyarakat Arab yang sebelumnya hidup dalam kesesatan kerana melakukan perkara-perkara keji seperti menyembah berhala, mengambil riba, bermusuhan kerana kabilah, dan membunuh anak perempuan. Walau bagaimanapun, kesesatan tersebut berakhir dengan kehadiran junjungan besar Rasulullah SAW, sebagaimana yang antara dijelaskan oleh Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah dalam petikan berikut:

“*Meskipun mereka sebelum itu.*”- yaitu sebelum Rasul itu dibangkitkan dalam kalangan mereka – *di dalam kesesatan yang nyata.*” (Ujung ayat 164). Sudah bersuluh dengan matahari, bergelanggang di mata orang banyak dan mereka sendiripun sudah merasai, betapa keadaan mereka sebelum Rasulullah SAW diutus. Yaitu dalam perjalanan yang sesat, tidak tentu ke mana ranah tujuan hidup. Yang disembah ialah berhala, yang penting hanyalah asal mengumpul harta, walaupun dengan makan riba. Berperang suku dengan suku, qabilah dengan qabilah, kerana kebanggaan dunia yang fana saja, malu kerana mendapat anak perempuan, sehingga ada yang sampai hati menguburkan anak itu hidup-hidup. Itulah kesesatan mereka yang nyata pada waktu itu, sehingga zaman sebelum Islam itu dinamai Zaman Jahiliah. Sekarang Nabi itu datang, demikian tinggi budinya, dipuji Tuhan dan dikatakan: “Bahwa sesungguhnya pada engkau ada budi yang amat luhur.” (Surat ke-68, al-Qalam, ayat 4). Bukankah ini satu kurnia yang melebihi segala kurnia untuk kamu, wahai ummat Muhammad? Dengan bimbingan dan pimpinan utusan inilah kamu, wahai ummat Muhammad akan mencapai bahagia tertinggi di dalam alam. Sehingga dengan sebab yang demikian, kekalahan sekali di perang Uhud belumlah berapa ertinya, jika dibandingkan dengan perjalanan jauh yang akan kamu tempuh lagi di bawah pimpinannya itu. Sewaktu hidupnya dan setelah matinyapun.

(Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, 1984a: 167)

Merujuk ayat al-Quran yang sama juga, Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid dalam kitab tafsir mereka berjudul *Tafsir Mubin* menjelaskan bahawa kehadiran Rasulullah SAW

merupakan satu nikmat dan rahmat Allah SWT. Hal ini kerana melalui Baginda, manusia diajar tentang hakikat Allah SWT yang melalui ajarannya menjadikan manusia tahu untuk membezakan antara kebenaran dengan kepalsuan. Pengetahuan ini yang membolehkan manusia keluar daripada belenggu kesesatan untuk seterusnya hidup menurut jalan yang benar di sisi Allah SWT, sebagaimana yang antara lain dijelaskan oleh Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid dalam petikan berikut:

“Sesungguhnya, Allah SWT telah mengurniakan nikmat dan rahmat-Nya kepada orang yang beriman dengan mengutuskan seorang rasul daripada bangsa Arab sendiri. Rasul itu mereka kenal keadaannya selain mereka arif tentang kebijaksanaannya. Di samping itu, Allah SWT menyebut secara khusus “Bangsa Arab” kerana merekalah sebenarnya orang yang beroleh manfaat secara langsung daripada kebangkitan Nabi Muhammad SAW itu. Rasul yang diutuskan ini membacakan ayat-ayat kandungan al-Qur’an kepada mereka bertujuan membuktikan keesaan Allah SWT dan kekuasaan-Nya. Selain itu, rasul tadi akan membersihkan jiwa mereka daripada dosa iktikad yang sesat serta mengajari mereka kitab al-Qur’an dan sunnah nabi sebagai hikmah. Hikmah ini ialah pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syariat walaupun pada ketika itu mereka semua sesat belaka. Kini, mereka dipindahkan daripada kegelapan kepada keadaan cerah bersinar-sinar.”

(Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid, 2009a: 314)

Dapat dikatakan bahawa kedua-dua tafsir al-Quran di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW membawa ajaran yang benar di sisi Islam, yang dapat membawa manusia ke jalan yang direndai Allah SWT. Demikian juga pengertian yang terkandung dalam sebuah hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Muslim, yang antara lain bermaksud:

Diriwayatkan dari Abu Musa, dari Nabi SAW: Beliau bersabda, “Perumpamaanku dan perumpamaan agama yang kubawa ialah seperti seorang yang mendatangi kaumnya”, lalu dia berkata, “Wahai kaumku, sesungguhnya, aku telah melihat sendiri pasukan tentara dengan mata kepalaku sendiri, dan aku inilah satu-satunya orang yang memberi peringatan terbuka, maka berlindunglah untuk mencari keselamatan. Segolongan dari kaum itu ada yang mematuhi, mereka pergi pada malam hari sehingga selamat. Adapun segolongan lainnya mendustakannya, kemudian pasukan tentara tersebut datang menyerbu mereka sehingga mereka binasa. Itulah perumpamaan orang yang mematuhi dan mengikuti ajaran yang kubawa, dan perumpamaan orang yang mendurhakaiku dan mendustakan ajaran yang hak yang kubawa.”

(al-Mundziri, 2004: 857)

Berdasarkan kepada pemahaman di atas, dapat dirumuskan bahawa lirik lagu “Zikir Al-Burdah” yang mengutarakan mesej tentang kemuliaan para rasul, sejajar dengan ajaran Islam sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah.

Seterusnya, analisis ini beralih kepada lirik dikir berjudul “Pemimpin” yang juga merupakan antara dikir yang dialunkan dalam persembahan Dikir Al-Burdah oleh PBKK. Dari segi struktur, lirik dikir “Pemimpin” ini mengandungi lapan rangkap termasuk satu rangkap yang diulang sebanyak empat kali. Rangkap ini dinamakan sebagai rangkap “Jawab” yang diulang setiap kali selepas empat rangkap awal dinyanyikan. Setiap rangkap

mengandungi tiga baris, manakala setiap baris pula mengandungi empat hingga lima perkataan. Lirik ini mempunyai rima akhir a/a/a/a.

Bacaan awal mendapati bahawa lirik dikir “Pemimpin” antara lain membawakan mesej tentang peri pentingnya kepemimpinan yang adil, sebagaimana yang jelas tergambar pada judul dikir itu sendiri. Menurut *Kamus Dewan* (2010: 1208), perkataan “pemimpin” merujuk kepada “orang yang memimpin”. Maksud perkataan “pemimpin” ini jelas berkait rapat dengan kepemimpinan iaitu keupayaan (kebolehan, pencapaian, dsb.) sebagai pemimpin atau daya (tindak-tanduk, kecekapan, dsb.) seseorang pemimpin. Dengan pengertian ini, pemilihan perkataan “pemimpin” sebagai judul dikir dapat memberi gambaran awal terhadap mesej tentang penting kepemimpinan yang adil yang digarap dalam lirik dikir ini.

Analisis ini mendapati bahawa garapan mesej tentang peri pentingnya kepemimpinan yang adil ini jelas pada terlihat seawal baris pertama hingga baris keempat dalam rangkap pertama lirik dikir ini. Hal ini jelas apabila lirik dikir ini menyatakan tentang kemuliaan seorang pemimpin yang adil dalam memelihara hak rakyat yang dipimpinnya. Hak ini dikaitkan dengan pengagihan kekayaan secara saksama, yang dianggap menyumbang kepada kesejahteraan hidup secara bersama, sebagaimana yang terkandung dalam rangkap pertama lirik dikir yang diturunkan dalam petikan ini, “Pemimpin adil sangat mulia/ Hak rakyat di sama rata/ Projek disumbang sama dirasa/ Hidup selesa aman sentosa”.

Seterusnya, garapan mesej tentang peri pentingnya kepemimpinan yang adil ini diperkukuhkan lagi dalam baris pertama hingga baris keempat dalam rangkap kedua lirik dikir ini. Hal ini jelas apabila rangkap kedua ini dimulakan dengan menyebut Sarawak sebagai bumi yang bertuah kerana pembangunannya yang pesat. Kepesatan pembangunan ini dikaitkan dengan semangat kepemimpinan negeri yang kental yang mendorong rasa syukur rakyat ke hadrat Allah SWT sebagaimana yang terkandung dalam rangkap kedua lirik dikir yang diturunkan dalam petikan ini, “Sarawak permai bumi bertuah/ Pesat membangun nyatalah sudah/ Atas pimpinan tak mudah kalah/ Kita bersyukur kepada Allah”. Rangkap kedua ini dengan maksud yang sedemikian diulangi dalam rangkap keempat dan rangkap keenam lirik dikir ini.

Selanjutnya, garapan mesej tentang peri pentingnya kepemimpinan yang adil ini dimantapkan dalam baris pertama hingga baris keempat dalam rangkap ketiga lirik dikir ini. Hal ini ketara apabila rangkap ketiga ini menjelaskan tentang pentingnya sifat jujur yang menjadi seorang pemimpin itu mulia. Kejujuran ini dikaitkan dengan kebenaran tutur kata yang tercermin pada perbuatan. Kejujuran ini juga dianggap sebagai satu sifat yang terpuji yang sekali gus mampu mengharumkan nama seseorang pemimpin itu, sebagaimana yang terkandung dalam rangkap ketiga lirik dikir yang diturunkan dalam petikan ini, “Pemimpin jujur bersikap mulia/ Berkata benar boleh dipercayai/ Jujurlah kata jujurlah kerja/ Sentiasa puji merata dunia”.

Seterusnya, garapan mesej tentang peri pentingnya kepemimpinan yang adil ini terus dikekalkan dalam baris pertama hingga baris keempat dalam rangkap kelima lirik dikir ini. Hal ini dapat diamati apabila rangkap kelima ini mengingatkan tentang Rukun Islam yang tertegak atas lima perkara, iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu sehari semalam, berpuasa pada bulan Ramadan, dan mengerjakan haji di Baitullah. Kelima-lima perkara yang menjadi rukun Islam ini dianggap penting kerana menjadi panduan dalam kehidupan manusia. Justeru, lirik dikir ini turut menyeru rakyat untuk bersatu padu serta saling bekerjasama, yang menjadi kunci kebahagiaan dalam kehidupan, sebagaimana yang terkandung dalam rangkap kelima lirik dikir yang diturunkan dalam petikan ini, “Rukun

Islam lima perkara/ Panduan hidup rakyat jelata/ Bersatu padu bekerjasama/ Hidup sihat aman bahagia.”

Selanjutnya, garapan mesej tentang peri pentingnya kepemimpinan yang adil ini disempurnakan dalam baris pertama hingga baris ketiga dalam rangkap ketujuh lirik dikir ini. Hal ini dapat dilihat apabila rangkap ketujuh yang menutup lirik dikir “Pemimpin” ini dengan kenyataan bahawa Sarawak merupakan sebuah negeri yang sudah merdeka. Kemerdekaan tersebut dikaitkan dengan kepesatan pembangunan yang selama ini dinikmati oleh rakyat negeri, sebagaimana yang terkandung dalam rangkap ketujuh yang merupakan rangkap terakhir lirik dikir yang diturunkan dalam petikan ini, “Semenjak negara kita merdeka/ Bumi Kenyalang sudah dirasa/ Pembangunan pesat sudahlah nyata”.

Adalah jelas bahawa lirik dikir “Pemimpin” ini mengutarakan mesej tentang peri pentingnya kepemimpinan yang adil. Mesej ini jelas pada maksud yang disampaikan melalui rangkap-rangkap dalam lirik dikir yang antaranya mengutarakan soal pentingnya keperibadian mulia para pemimpin yang diukur pada kejujuran mereka. Selain itu, pemimpin yang adil dianggap penting bagi melindungi rakyatnya. Lebih penting ialah kepatuhan terhadap agama yang menjadi asas kesejahteraan masyarakat. Nikmat pembangunan di Sarawak yang dimungkinkan atas kepemimpinannya yang mantap. Lanjutan itu, analisis ini mendapati bahawa mesej tentang peri pentingnya kepemimpinan yang adil yang diutarakan dalam lirik dikir yang dikaji, adalah sejajar dengan ajaran Islam. Mesej ini jelas sejajar dengan ajaran Islam, sebagaimana yang dapat difahami daripada al-Quran Surah an-Nisaa’, ayat 58, yang antara lain bermaksud:

“Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menunaikan amanat kepada ahlinya. Dan apabila kamu menghukum di antara manusia, supaya kamu hukumkan dengan adil. Sesungguhnya dengan sebaik-baiknyalah Allah menasehati kamu. Sesungguhnya Allah mendengar lagi memandang.”

(Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, 1984a: 134)

Merujuk ayat al-Quran di atas, Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah dalam kitab tafsir beliau berjudul *Tafsir Al-Azhar* antara lain menjelaskan bahawa agama Islam menuntut supaya keadilan itu dilaksanakan oleh para pemimpin yang berkuasa. Keadilan itu bermula dengan pelantikan pemimpin itu sendiri yang mesti dalam kalangan mereka yang berilmu (diungkapkan oleh Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah sebagai “...menyerahkan amanat kepada ahlinya”). Dengan ilmunya, seseorang pemimpin dituntut untuk menegakkan keadilan serta membanteras kezaliman, dengan berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah (diungkapkan oleh Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah sebagai “...sumber hukum yang asli, yaitu hukum Allah...”), sebagaimana yang antara lain dijelaskan oleh Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah dalam petikan berikut:

Kemudian datanglah sambungan ayat: “Dan apabila kamu menghukum di antara manusia, hendaklah kamu hukumkan dengan adil.” Inilah pokok kedua dari pembinaan pemerintahan yang dikehendaki Islam. Pertama tadi ialah menyerahkan amanat kepada ahlinya. Memikul pejabat yang sanggup memikul. Yang kedua ialah menegakkan keadilan. Hukum yang adil, bukan yang zalim. Pemegang teraju hukum hendaklah mengingat sumber hukum yang asli, yaitu hukum Allah dan tegakkanlah itu. Seketika Abu Bakar Shiddiq r.a. menerima jabatannya sebagai Khalifah sebelum jenazah Rasulullah dikebumikan, beliau

telah berpidato: “Aku telah diangkat menjadi pemimpin kamu, tetapi tidaklah aku ini lebih baik dari pada kamu. Orang yang lemah di antara kamu, menjadi kuat di sisiku, sebab hak-haknya akan aku ambilkan dari yang kuat. Dan orang yang kuat di antara kamu, lemahlah dia di sisiku. Sebab hak si lemah akan aku ambilkan dari padanya. Sekarang mari kita sembahyang.” Nabi SAW sendiri pernah mengatakan bahwa walau Fathimah binti Muhammad yang mencuri, akan beliau potong juga tangannya. Di dalam Surat Al Ahzab diterangkan bahwa kalau istri-istri Rasulullah s.a.w. berbuat jahat, hukunya dua kali lipat dari kejahatan yang dilakukan perempuan lain.

(Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, 1984a: 144-145)

Merujuk ayat al-Quran yang sama juga, Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid dalam kitab tafsir berjudul *Tafsir Mubin* menjelaskan bahawa menjadi satu tuntunan dalam ajaran Islam bahawa mereka yang berkuasa (diungkapkan oleh Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid sebagai “...kamu menjalankan hukuman antara manusia,...”) mesti melaksanakan tugas mereka secara adil yakni berdasarkan ajaran Islam, sebagaimana yang antara lain dijelaskan oleh Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid dalam petikan berikut:

Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kamu agar menyerahkan segala jenis amanah kepada orang yang berhak menerimanya. Ibn ‘Abbas r.a berkata: “Perintah ini termasuklah menunaikan solat, berzakat dan segala hak terhadap manusia seperti menyempurnakan tanggungjawab apabila diserahkan barang untuk disimpan dan menyerahkan balik amanah tersebut dengan baik” (Al-Sabuni 1: 405). Seterusnya, apabila kamu menjalankan hukuman antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil mengikut Islam. Sesungguhnya Allah s.w.t. dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

(Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid, 2009a: 392)

Dapat dikatakan bahawa kedua-dua tafsir al-Quran di atas menjelaskan bahawa Islam menuntut para pemimpin supaya menegakkan keadilan dengan bersandarkan al-Quran dan as-Sunnah. Demikian juga pengertian yang terkandung dalam sebuah hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Muslim, yang antara lain bermaksud:

Diriwayatkan dari ‘Abdullah bin ‘Umar r.a.: Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya, orang-orang yang berlaku adil, nanti (pada hari kiamat) akan berada di atas mimbar yang terbuat dari cahaya di sisi Allah; di kanan Tuhan Yang Maha Pemurah, dan kedua tangan Allah adalah kanan (baik dan tinggi kedudukannya). Mereka ialah orang-orang yang berlaku adil dalam menjalankan hukum, berlaku adil terhadap keluarganya, dan berlaku adil dalam melaksanakan tugas yang telah dibebankan kepadanya.

(al-Mundziri, 2004: 857)

Berdasarkan kepada pemahaman di atas, dapat dirumuskan bahawa lirik lagu “Pemimpin” yang mengutarakan mesej tentang peri pentingnya kepemimpinan yang adil, sejajar dengan ajaran Islam sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah.



## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berhasil memperoleh dapatan-dapatan yang sekali gus merealisasikan ketiga-tiga objektif kajiannya. Antaranya, kajian ini berhasil dalam melakarkan tentang perkembangan semasa kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang. Kajian ini mendapati bahawa pada ketika ini, kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang telah digiatkan oleh Pertubuhan Badan Kesenian dan Kebudayaan (PBKK) yang ditubuhkan pada tahun 2010. PBKK diundang untuk membuat persembahan antaranya di majlis perkahwinan, cukur jambul dan sambutan *Maulidur Rasul*. Dari segi cara pakaian serta dan tatacara, persembahan Dikir Al-Burdah oleh PBKK didapati sesuai dengan syariat Islam. PBKK turut mempersembahkan lagu-lagu yang liriknya ditulis dalam bahasa Melayu. Berhasilnya kajian ini dalam mencatatkan tentang perkembangan semasa kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang, sekali gus bererti objektif pertama kajian ini telah dapat direalisasikan.

Seterusnya, kajian ini juga berhasil memperoleh sebanyak dua buah lirik Dikir Al-Burdah dalam bahasa Melayu yang dinukilkan sendiri oleh PBKK, iaitu lagu berjudul “Zikir Al-Burdah” dan “Pemimpin”. Analisis ini mendapati bahawa lirik dikir “Zikir Al-Burdah” mengutarakan mesej tentang kemuliaan para rasul, manakala lirik dikir “Pemimpin” pula mengutarakan mesej tentang peri pentingnya kepemimpinan yang adil, yang kedua-dua mesej tersebut didapati sejajar dengan ajaran Islam, sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan al-Hadis. Berdasarkan dapatan ini, dapat dirumuskan bahawa Dikir Al-Burdah yang didendangkan oleh PBKK, Kampung Sessang yang dikaji mempunyai perkaitan dengan Islam. Hal ini bererti, objektif kedua dan ketiga kajian ini telah direalisasikan. Secara keseluruhannya, kajian ini berserta hasil-hasil dapatannya diharap dapat memperkayakan lagi korpus penyelidikan tentang kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak, dan seterusnya melebarkan lagi sempadan ilmu dengan penemuan-penemuan yang baharu.

---

<sup>1</sup> Dalam konteks di Semenanjung Malaysia khususnya di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah, Sakinah Abu Bakar (2014: 19-31) telah menjalankan penelitian tentang Qasidah Burdah dalam artikel bertajuk “Kelestarian Khazanah Tradisi Islam Qasidah Burdah dalam Masyarakat Setempat: Kajian Kes di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah”.

<sup>2</sup> Kami ingin merakamkan penghargaan kepada Dr. Muhd Zulkifli Ismail, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia kerana sudi memberikan penjelasan tentang tradisi kesusasteraan Arab.

<sup>3</sup> Adalah signifikan dijelaskan bahawa “barzanji” merupakan alunan yang mengandungi ungkapan berkaitan sirah serta akhlak Rasulullah s.a.w. yang disusun oleh Syeikh Ja’far al-Barzanji. Amalan “barzanji” dikatakan bermula ketika zaman Kerajaan Fatimiyyah atau zaman Abbasiyyah di bawah pemerintahan Khalifah Harun Ar-Rasyid, dan telah kira-kira 100 tahun diamalkan oleh masyarakat Islam di Alam Melayu (Abdul Basit Samad@Darawi *et al.*, 2014: 44-45).

## RUJUKAN

Abdul Basit Samat@Darawi, Abdul Rahman Hamzah, Siti Rugayah Tibek & Razaleigh Muhamat@Kawangit. 2014. Seni Barzanji dan Marbahan: Sejarah dan Amalannya dalam Masyarakat Melayu. *‘Ulum Islamiyyah Journal* 14 (Disember): 43-55.

- 
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka). 1984a. *Tafsir Al-Azhar Juzu' 4-5-6*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka). 1984b. *Tafsir Al-Azhar Juzu' 22-23-24-25*. Surabaya: Yayasan Latimojong.
- Ahmad Lufti bin Abdul Wahab al-Linggi. 2009. *Qosidah Al-Burdah Imam Al-Busairi R.A: Puji-Pujian Untuk Rasulullah S.A.W*. Kajang: Mawleed Publishing.
- al-Mundziri, Zaki al-Din 'Abd al-Azim (pnys.) 2004. *Ringkasan Shahih Muslim Arab-Indonesia*. Batu Caves, Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- al-Quraishy, Abu al-Fida' Ismail bin Kathir. 2009. *Kisah Para Nabi: Pengajaran dan Ikhtibar*. Terj. Johari Yaman. Rawang: Nadi Minda Resources.
- Faridzul Kasim. 2017. Persembahan Dikir Al-Burdah. Temu bual, 9 Julai.
- Harun Jaafar. Puisi-Puisi Memuji Rasulullah SAW. Dlm. *Wacana Kesusasteraan Melayu Klasik*, hlm. 35-67. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2002.
- Jamil Hj Hamali et al. 2009. *Islam di Borneo*. UiTM Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti.
- Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem Perayaan Ulang Tahun Ke-25 Sarawak Merdeka Dalam Malaysia. 1988. *Adat Resam Penduduk Sarawak*. Kuching: Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Sarawak.
- Kamus Dewan*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Bukhari Lubis. 1994. Dendangan Puisi Al-Burdah Di Kampung Sessang, Sarawak. Dlm. *Persuratan Islam*, hlm. 127-132. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2017. Sorotan Literatur Bangsawan di Malaysia 1960-2017. *Jurnal Melayu* 16 (2): 179-190.
- Raslie Saharan. 1988. Beberapa Aspek Kebudayaan Masyarakat Melayu Sarawak". Dlm. Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem Perayaan Ulang Tahun Ke-25 Sarawak Merdeka Dalam Malaysia. Dlm. *Adat Resam Penduduk Sarawak*, hlm. 115-170. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.
- Sakinah Abu Bakar. 2014. Kelestarian Khazanah Tradisi Islam Qasidah Burdah dalam Masyarakat Setempat: Kajian Kes di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah. *Gendang Alam* 4: 19-31.
- Salahuddin Abdullah & Omar Khalid. 2009a. *Tafsir Mubin Jilid 1 (Juzuk 1-5)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salahuddin Abdullah & Omar Khalid. 2009b. *Tafsir Mubin Jilid 5 (Juzuk 21-25)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stetkevych, S.P. 2010. *The Mantle Odes: Arabic Praise Poems to the Prophet Muhammad*. Bloomington: Indiana University Press.
- Zulkipli Haji Jawawi (Allahyarham). 2012. Persembahan Dikir Al-Burdah Temu bual, 5 September.

**Biodata Penulis:**

**Noryamisma Ismail**

Penulis merupakan calon Ijazah Master Sastera (Kesusasteraan Melayu), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

---

**Mohd. Zariat Abdul Rani**

Penulis merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, dengan kepakaran dalam bidang teori dan kritikan sastera.

**Fazilah Husin**

Penulis merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, dengan kepakaran dalam bidang drama dan teater.

**Norazlina Haji Mohd Kiram**

Penulis merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, dengan kepakaran dalam bidang sosiolinguistik.